



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

Sekolah Kebangsaan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

Sekolah Kebangsaan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2019

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| Rukun Negara..... | v |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan | vi |
| Definisi Kurikulum Kebangsaan | vii |
| Kata Pengantar..... | ix |
| Pendahuluan..... | 1 |
| Matlamat..... | 2 |
| Objektif..... | 3 |
| Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah..... | 4 |
| Fokus | 5 |
| Kemahiran Abad Ke-21..... | 6 |
| Kemahiran Berfikir Aras Tinggi..... | 8 |
| Strategi Pengajaran dan Pembelajaran | 9 |
| Elemen Merentas Kurikulum | 16 |
| Pentaksiran Bilik Darjah..... | 20 |

| | |
|---------------------------------------|----|
| Organisasi Kandungan..... | 23 |
| Kemahiran Mendengar dan bertutur..... | 29 |
| Kemahiran Membaca..... | 33 |
| Kemahiran Menulis..... | 35 |
| Aspek Seni Bahasa | 37 |
| Aspek Tatabahasa..... | 39 |
| Glosari | 42 |
| Panel Penggubal..... | 44 |
| Penghargaan..... | 46 |



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan

nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Bahasa Melayu yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Pernyataan standard ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kurikulum ini menyetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya, kurikulum ini membolehkan murid memperkembangkan dan menilai keupayaan serta penguasaan kemahiran bahasa mereka. Di samping itu, murid juga diharap dapat berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara

berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan serta mempunyai ciri-ciri seperti yang dinyatakan dalam profil murid.

Kemahiran Abad Ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Menaakul turut dimasukkan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum ini agar modal insan yang dihasratkan mampu memenuhi keperluan masa kini. Melalui kurikulum ini, keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) amat dititikberatkan. PdP yang dilaksanakan bukan sahaja menekankan pembelajaran berasaskan murid dan pembelajaran kolaboratif, malah murid-murid akan belajar melalui pembelajaran mendalam seperti pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, inkuiri dan pembelajaran koperatif serta pembelajaran secara kontekstual. Murid akan ditaksir dan dinilai semasa PdP dijalankan.

Penilaian dapat dilaksanakan hasil daripada perubahan tingkah laku murid semasa dan selepas PdP. Perkembangan murid dilihat dan dilaporkan secara holistik dan autentik. Selain itu, guru juga dapat membuat penambahbaikan dalam proses pengajaran mereka.

DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Sekolah Kebangsaan bagi menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu ini dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

MATLAMAT

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Sekolah Rendah mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan, dan pertanyaan dengan betul.
2. Bercerita, berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.
3. Membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami, dan menaakul maklumat tersurat dan tersirat serta membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca.
4. Mencatat, menulis, dan mengimlak untuk mengaplikasikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun.
5. Menghasilkan pelbagai penulisan, mengedit, dan menulis ulasan.
6. Menghayati serta menghargai keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
7. Menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan.
8. Menghargai dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 5


KSSR mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami, mentafsir, dan memberikan respons secara kritis dan kreatif.
2. Bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila.
3. Menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat secara kritis dan kreatif.
4. Bersoal jawab untuk menjana idea dan menghasilkan idea baharu.
5. Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan yang betul, intonasi dan gaya yang sesuai.
6. Membaca dan memahami teks serta bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
7. Membaca, meneliti kandungan teks untuk membuat rumusan, dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dengan pelbagai bentuk gaya penyampaian.
8. Menulis perenggan dalam bentuk tulisan berangkai.
9. Membina dan menulis pendapat daripada bahan multimedia, menulis alasan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat dan menulis teks yang diimplakkan.
10. Mendraf, mengedit, memurnikan, dan menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat.
11. Bercerita, melagukan syair dan menyatakan idea keseluruhan syair serta mendeklamasikan sajak serta menyatakan maksud sajak.
12. Mengubah suai puisi dan cerita dengan bahasa yang indah dan santun serta mengubah suai seni kata lagu dengan diksi yang sesuai, dan mempersembahkan dengan gaya yang kreatif.
13. Menghasilkan seni penulisan jawi.
14. Memahami dan menggunakan kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, penjodoh bilangan, kata berimbuhan, kata majmuk, dan kata ganda mengikut konteks.
15. Memahami dan membina ayat tunggal, ayat majmuk, ayat seruan, ayat perintah, ayat aktif, ayat pasif, ayat susunan biasa, dan ayat susunan songsang.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan

modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Melayu digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksanakan sepenuhnya dalam PdP secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapresiasi keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan aktiviti PdP dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 agar berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|----------------------------|--|
| Berdaya Tahan | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati. |
| Mahir Berkomunikasi | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. |
| Pemikir | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|----------------------------|--|
| Kerja Sepasukan | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik. |
| Bersifat Ingin Tahu | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan. |
| Berprinsip | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|----------------------------|--|
| Bermaklumat | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| Penyayang/ Prihatin | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar. |
| Patriotik | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara. |

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN |
|---------------------|--|
| Mengaplikasi | Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| Menganalisis | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi. |
| Mencipta | Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi PdP Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Konsep 5P

Strategi PdP Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses PdP. Melalui konsep ini, murid dapat menyesuaikan maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya akan mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan. Kemahiran bahasa dapat digabungjalinkan, sama

ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam PdP Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa untuk membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses PdP merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif PdP. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam PdP harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum

dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran. Aktiviti pengayaan dalam PdP pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa menyokong kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid. Pendekatan modular juga boleh dilaksanakan secara berurutan (*linear*) atau

tidak berurutan (*non-linear*). Walau bagaimanapun, pendekatan modular dilaksanakan secara berpusatkan murid dan berfokus iaitu guru akan mengajar hanya satu kemahiran dalam satu sesi PdP di dalam bilik darjah. Pentaksiran dalam pendekatan modular dijalankan secara berterusan iaitu secara formatif dan sumatif untuk mengukur perkembangan murid.

Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hiburan merupakan satu pendekatan dalam PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hiburan dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi serta bahan PdP yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

Pendekatan Tematik

Pendekatan tematik ialah satu pendekatan PdP yang akan diajarkan melalui topik atau tema yang dipilih bersesuaian dengan masa, tempat dan minat bagi menggerakkan sesuatu proses PdP. Tema yang dipilih menjadi wahana dan medium kepada memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam pengajaran bahasa melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat dikukuhkan. Di samping itu, melalui pendekatan bertema, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin ilmu lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, hal persendirian, isu kemasyarakatan dan perpaduan, menghargai warisan, kelestarian alam serta mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. **Keluargaan**
Tema keluarga merangkumi hubungan sesuatu keluarga. Tema ini melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mereka menghargai, menghormati serta mewujudkan hubungan erat sesama ahli keluarga ke arah memupuk perpaduan kaum. Murid didedahkan kehidupan keluarga yang berbeza daripada keluarga lain yang terdiri daripada pelbagai kaum.
2. **Kemasyarakatan**
Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kerukunan hidup bermasyarakat. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, bertoleransi, hormat-menghormati, bekerjasama, bertanggungjawab serta menerima perbezaan antara budaya.

3. Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kepada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, serta amalan gaya hidup sihat.

4. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

5. Perpaduan

Tema ini meliputi elemen silang budaya iaitu memahami perbezaan cara hidup, saling menghormati kepercayaan agama dan adat resam, saling mempercayai serta menghargai persamaan dan menerima perbezaan antara kaum. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk mewujudkan hubungan erat dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum demi perpaduan dan kesejahteraan negara.

6. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen silang budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat difahami dan dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

7. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri memupuk keperibadian insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Patriotisme membentuk semangat juang, kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang juga merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Tema ini diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan sepunya, sanggup mempertahankan dan mengharumkan negara serta setia kepada negara.

8. Sains, Teknologi dan Inovasi
Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.
9. Kelestarian Alam
Tema ini memupuk pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kesejahteraan hidup. Tema ini diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.
10. Pertanian dan Penternakan
Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan serta keusahawanan tani.
11. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan
Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan, manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.
12. Integriti
Tema integriti merujuk kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan nilai murni, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas agama dan undang-undang negara agar menjadi warganegara yang bermoral dan bertamadun demi kesejahteraan negara.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Strategi PdP dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah merujuk kepada aktiviti PdP yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran ini merujuk kepada kemampuan murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah ialah aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan kaedah PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan, penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pembelajaran Koperatif

Kaedah PdP pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila

murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Pembelajaran Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa hadapan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses kendiri ialah satu kaedah yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80 peratus aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amat digalakan dalam PdP Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagaian sumber merujuk penggunaan sumber pertama, sumber cetak, sumber elektronik, digital dan internet serta bahan yang autentik seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras

bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, dan konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu).
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

3. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

4. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri-ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah

kompaun. Penerapan secara penyerapan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

9. Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

- Melahirkan generasi pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah, dan berhati-hati di jalan raya.
- Membentuk generasi pengguna jalan raya yang berhemah, boleh menyumbang kepada keharmonian, kemakmuran, dan pembangunan negara.
- Menambah pengetahuan untuk mengamalkan kemahiran keselamatan jalan raya dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah sebagai proses pendidikan sepanjang hayat.
- Memupuk sikap menyayangi dan memelihara keselamatan diri serta menghormati hak pengguna jalan raya yang lain.

10. Kelestarian Global

- Kelestarian Global merangkumi tiga elemen iaitu
 - Penggunaan dan Pengeluaran Lestari
 - Kewarganegaraan Global
 - Perpaduan
- Kelestarian Global diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung dan penyerapan.
- Kelestarian Global bertujuan untuk mendedahkan murid kepada isu-isu semasa yang mencabar di peringkat tempatan, negara dan global. Kesedaran tentang perkembangan dunia yang berkaitan alam sekitar, ekonomi, keselamatan, perpaduan, kesihatan, penghayatan nilai seperti patriotik, integriti, empati, bertanggungjawab dan menghormati hak orang lain perlu didedahkan kepada murid agar dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk menghadapi dunia global dan menjadi *global player* secara lebih berkesan.
- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran bagi membentuk etika murid untuk menghargai alam.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.

- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

Standard Prestasi ialah set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan selepas sesuatu standard pembelajaran atau kemahiran dikuasai. Perkembangan dalam standard terbahagi kepada dua, iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Tahap perkembangan pembelajaran murid diukur berdasarkan perkembangan atau kemajuan pembelajarannya.

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK dan SP.

Kebijaksanaan guru dituntut bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara bersesuaian dan berkesan.

Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok kemahiran yang telah ditentukan. Terdapat tiga standard prestasi bagi setiap kemahiran bahasa iaitu standard prestasi kemahiran mendengar dan bertutur, standard prestasi kemahiran membaca dan standard prestasi kemahiran menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa tidak mempunyai standard prestasi tersendiri, sebaliknya kedua-dua aspek ini boleh digunakan untuk menilai ketiga-tiga kemahiran bahasa tersebut.

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki iaitu tahap penguasaan sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam

buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan. Guru perlu adil dalam membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid. Setiap murid seharusnya diberikan peluang, bimbingan dan pengukuhan agar mereka mampu dan berupaya menunjukkan penguasaan serta kebolehan yang terbaik dan cemerlang dalam kemahiran bahasa.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan adalah standard prestasi yang merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk DSKP Bahasa Melayu KSSR. Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan

melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat. Maklumat yang dikumpul melalui pentaksiran ini dapat membantu guru menentukan kekuatan dan kelemahan murid.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

| TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN | |
|------------------------------|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 1 Sangat Terhad | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa. |
| 2 Terhad | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang |

| TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN | |
|------------------------------|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| | lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa. |
| 3 Memuaskan | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sedehana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa. |
| 4 Baik | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik , dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan , berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa. |

| TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN | |
|------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 5 Sangat Baik | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif , mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks , menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif , serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa. |
| 6 Cemerlang | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun , menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif , berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan , mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa. |

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK dan SP. Kebijaksanaan guru dituntut bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara bersesuaian dan berkesan. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok kemahiran yang telah ditentukan. Guru perlu adil dalam membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid. Setiap murid seharusnya diberikan peluang, bimbingan dan pengukuhan agar mereka mampu dan berupaya menunjukkan penguasaan serta kebolehan yang terbaik dan cemerlang dalam kemahiran bahasa.

ORGANISASI KANDUNGAN

Organisasi Kandungan DSKP ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Kandungan kurikulum ini dilaksanakan mengikut peruntukan waktu jam setahun untuk melaksanakan PdP. Bagi SK Tahap II, masa minimum yang diperuntukan ialah 160 jam setahun mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuatkuasa.

Setiap standard ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh pengisian kurikulum. Selain itu, setiap standard ini mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai yang perlu dikuasai oleh murid selama enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Ketiga-tiga standard ini dijelaskan dalam Jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4 : Organisasi Kandungan

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI |
|---|---|---|
| Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh dilakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. | Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. | Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>) |

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Dalam mencapai kemahiran bahasa dalam standard ini, kemahiran-kemahiran tersebut telah diorganisasikan seperti berikut:

1. Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

2. Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan

menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu, melalui kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

3. Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4. Aspek Seni Bahasa

Aspek seni bahasa merujuk keindahan, kehalusan dan kebahasaan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran

aspek ini, murid menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

5. Aspek Tatabahasa

Aspek Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam PdP Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan seperti berikut;

1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

1.1 Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

1.1.1 Struktur kata merujuk pada pola suku kata bagi:

- (i) kata asli bahasa Melayu
- (ii) kata pinjaman bahasa Melayu

1.1.2 Bentuk kata terdiri daripada:

- (i) kata terbitan

- (ii) kata ganda

- (iii) kata majmuk

1.1.3 Proses pembentukan kata meliputi:

- (i) pengimbuhan

- (ii) penggandaan

- (iii) pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

1.1.4 Golongan kata terdiri daripada:

- (i) Kata nama

- (ii) Kata kerja

- (iii) Kata adjektif

- (iv) Kata tugas

1.2 Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk

membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- 1.2.1 Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- 1.2.2 Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- 1.2.3 Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- 1.2.4 Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- 1.2.5 Binaan ayat;
 - (i) ayat dasar
 - (ii) ayat tunggal
 - (iii) ayat terbitan atau ayat majmuk
- 1.2.6 Proses ayat terbitan:
 - (i) proses penggantian
 - (ii) proses pengguguran
 - (iii) proses peluasan

2. Sistem Ejaan

Sistem ejaan ialah aturan pengejaan mengikut kesesuaian jenis dan bentuk perkataan. Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu edisi terkini dijadikan

rujukan dalam PdP. Perkara yang diberikan penekanan dalam sistem ejaan ialah:

- (i) pola keselarasan vokal bahasa Melayu
- (ii) ejaan kata pinjaman
- (iii) ejaan kata dasar dan kata terbitan

3. Tanda Baca

Tanda baca penting untuk dikuasai khususnya dalam komunikasi tulisan dan bacaan mekanis bagi memastikan keberkesanan penyampaian mesej dan makna dengan tepat. Tanda baca yang perlu dikuasai oleh murid ialah noktah, koma, koma bernoktah, noktah bertindih, sempang, tanda soal, tanda seru, tanda petik, tanda kurungan, termasuk huruf kecil, huruf besar dan italik.

4. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan

intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- (i) ayat penyata
- (ii) ayat tanya
- (iii) ayat perintah
- (iv) ayat seruan
- (v) ayat songsang
- (vi) ayat aktif
- (vii) ayat pasif

5. Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkat dan

dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

6. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Nota: Buku Tatabahasa Dewan Edisi Terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam PdP.

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|--|
| 1.1 Mendengar dan memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal. | Murid boleh: 1.1.1 Mendengar, mengecam sebutan, dan menyebut semula ujaran yang terdapat dalam situasi formal. |
| | 1.1.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam situasi formal. |
| | 1.1.3 Mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis dan kreatif. |
| 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan. | 1.2.1 Bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan tentang bahan multimedia secara bertatasusila mengikut konteks. |
| | 1.2.2 Bertutur dan menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat yang dikenal pasti dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif. |
| | 1.2.3 Bersoal jawab untuk menjana idea tentang sesuatu perkara. |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|--|
| 1.3 Bercerita, dan menceritakan perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan dan intonasi yang betul. | 1.3.1 Bercerita dengan sebutan yang betul, intonasi dan gaya yang sesuai. |
| | 1.3.2 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan yang betul dan intonasi serta gaya yang sesuai. |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR | |
|--|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 1 Sangat Terhad | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara pada tahap sangat terhad . |
| 2 Terhad | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara pada tahap terhad . |
| 3 Memuaskan | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat secara kritis, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara pada tahap memuaskan . |
| 4 Baik | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat secara kritis dan kreatif, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara pada tahap kukuh . |
| 5 Sangat Baik | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat secara kritis dan kreatif, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan yang betul, intonasi dan gaya yang sesuai pada tahap terperinci . |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR | |
|--|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 6 Cemerlang | Mendengar, mengecam sebutan, menyebut, memahami dan memberikan respons, bertutur untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan secara bertatasusila, menghuraikan maklumat yang tersurat dan tersirat secara kritis dan kreatif, bersoal jawab untuk menjana idea, bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan yang betul, intonasi dan gaya yang sesuai pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan. |

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| 2.1 Asas membaca dan memahami. | Murid boleh: 2.1.1 Membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons. |
| | 2.1.2 Membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan perkataan. |
| 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan multimedia. | 2.2.1 Membaca dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan. |
| 2.3 Membaca dan mengapresiasi pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera. | 2.3.1 Membaca dan meneliti kandungan teks karya sastera dan karya bukan sastera untuk membuat rumusan. |
| | 2.3.2 Membaca dan mempersembahkan karya sastera dan karya bukan sastera dengan pelbagai bentuk penyampaian. |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA | |
|-------------------------------------|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 1 Sangat Terhad | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan, keputusan, pandangan dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap sangat terhad . |
| 2 Terhad | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan, keputusan, pandangan dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap terhad . |
| 3 Memuaskan | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan, rumusan, dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap memuaskan . |
| 4 Baik | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan, rumusan, dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap kukuh . |
| 5 Sangat Baik | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan, rumusan, dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap terperinci . |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA | |
|-------------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 6 Cemerlang | Membaca, memahami kandungan teks dan maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan, rumusan, dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dalam pelbagai bentuk pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan. |

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|---|
| 3.1 Asas menulis. | Murid boleh: 3.1.1 Menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai. |
| 3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna. | 3.2.1 Membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat daripada sesuatu bahan multimedia. |
| | 3.2.2 Menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan secara kritis dan kreatif. |
| | 3.2.3 Mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca, dilihat, dan didengar. |
| | 3.2.4 Menulis teks prosa yang diimplakkan. |
| 3.3 Menghasilkan penulisan. | 3.3.1 Mendraf dan menghasilkan penulisan berformat, dan tidak berformat. |
| | 3.3.2 Mengedit dan memurnikan perenggan dari aspek ejaan, tanda baca, penggunaan imbuhan, penggunaan kata, dan struktur ayat. |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENULIS | |
|-------------------------------------|--|
| TAHAP PENGUASAAN | PENYATAAN |
| 1 Sangat Terhad | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat secara berpandu serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terhad. |
| 2 Terhad | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat secara separa berpandu serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terhad. |
| 3 Memuaskan | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap memuaskan. |
| 4 Baik | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap kukuh. |
| 5 Sangat Baik | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terperinci. |
| 6 Cemerlang | Membina dan menulis ayat, menulis ayat yang diimplakkan, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan. |

4.0 ASPEK SENI BAHASA

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| 4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera. | Murid boleh: 4.1.1 Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun. |
| 4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera. | 4.2.1 Melafazkan dan melagukan syair dengan irama yang sesuai serta menyatakan idea keseluruhan syair. |
| | 4.2.2 Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak. |
| 4.3 Menghasilkan bahan sastera dengan menerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif. | 4.3.1 Mengubah suai puisi dengan bahasa yang indah dan santun secara separa berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif. |
| | 4.3.2 Mengubah suai cerita dengan bahasa yang indah dan santun secara separa berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif. |
| | 4.3.3 Mengubah suai seni kata lagu dengan menggunakan diksi yang sesuai dan mempersembahkannya dengan gaya yang kreatif. |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| 4.4 Mengaplikasikan, menghayati dan menghasilkan unsur keindahan dalam seni tulisan jawi. | 4.4.1 Mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal yang ditulis mengikut tulisan Jawi dalam perumpamaan dan mempersembahkannya. |
| | 4.4.2 Mempersembahkan keindahan seni tulisan jawi melalui perumpamaan. |

CATATAN: Aspek seni bahasa dilaksanakan untuk menyokong kemahiran bahasa. Walau bagaimanapun aspek seni bahasa tidak ditaksir.

5.0 ASPEK TATABAHASA

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|--|
| 5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks. | Murid boleh: 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks; (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan |
| | 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif mengikut konteks. |
| | 5.1.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata adjektif mengikut konteks. |
| | 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks; (i) kata pemerih (ii) kata penguat (iii) kata bantu |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--|---|
| 5.2 Memahami dan menggunakan bentuk kata mengikut konteks. | 5.2.1 Memahami dan menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata berimbuhan awalan (ii) kata berimbuhan akhiran (iii) kata berimbuhan apitan (iv) kata berimbuhan sisipan |
| | 5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata majmuk bebas dan kata majmuk mantap (ii) kata majmuk kiasan |
| | 5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata ganda penuh (ii) kata ganda separa (iii) kata ganda berentak |
| 5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks. | 5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks. |
| | 5.3.2 Memahami dan membina pelbagai jenis ayat mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) ayat seruan (ii) ayat perintah |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|--------------------|--|
| | 5.3.3 Memahami dan membina ayat aktif, dan ayat pasif mengikut konteks. |
| | 5.3.4 Memahami dan membina ayat susunan biasa dan susunan songsang mengikut konteks. |

CATATAN:

Pentaksiran aspek tatabahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis mengikut kesesuaian PdP.

GLOSARI

| Perkataan | Maksud |
|-----------------------------|---|
| bahan multimedia | bahan daripada pelbagai jenis media seperti surat khabar, majalah, video, laman sesawang. |
| bertatasusila | adab sopan santun dan budi pekerti yang baik |
| frasa | satu perkataan atau rangkai kata yang berfungsi sebagai satu unit kata |
| pelbagai bentuk penyampaian | pelbagai teknik penyampaian seperti lakonan, simulasi, lukisan, sajak dll. |
| diksi | pemilihan kata yang sesuai |
| huruf tunggal | abjad yang tidak bergabung |
| idea keseluruhan | maksud keseluruhan hasil sesuatu karya |
| maklumat tersirat | maklumat yang tidak tercatat dalam bahan |
| maklumat tersurat | maklumat yang tercatat dalam bahan |
| situasi formal | situasi yang mengandungi peraturan, sistematik contohnya perhimpunan sekolah, mesyuarat, urusan di bank, urusan di pejabat pos dll. |
| mentafsir | menerangkan maksud atau memberikan penjelasan |
| separa berpandu | Aktiviti yang dibantu dengan beberapa perkataan, frasa, dan gambar berdasarkan |

| Perkataan | Maksud |
|--------------------|---|
| | panduan guru yang minimum |
| karya sastra | karya atau bahan yang berbentuk pantun, syair, gurindam, sajak, cerpen, drama dan novel |
| karya bukan sastra | karya atau bahan yang berbentuk syarahan, rencana, laporan dan berita |
| kohesi | pertautan keseluruhan idea |
| koheren | kesinambungan antara satu ayat dengan ayat yang lain supaya mudah difahami |
| konsisten | tekal atau tidak berubah-ubah |
| kreatif | mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea |
| kritis | membuat pertimbangan untuk menerima atau menolak dengan alasan |
| menjana idea | menghasilkan idea |
| irama | tempo (panjang pendek bunyi) dalam syair seperti irama Siti Zubaidah, Selendang Delima. |
| melafazkan | mengucapkan kata-kata |
| mengikut konteks | dalam pelbagai situasi |
| mengecam | kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar |
| mengedit | menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat |

| Perkataan | Maksud |
|------------------------|---|
| menghayati | mengalami dan merasai sesuatu dalam jiwa |
| bahasa yang indah | bahasa yang menarik, elok dan menyenangkan |
| mengubah suai | menukar perkataan dan frasa yang sesuai mengikut konteks |
| bahasa yang santun | bahasa yang halus dan kaya dengan budi bahasa |
| diimlakkan | sesuatu yang disebut atau dibaca untuk ditulis oleh orang lain |
| pelbagai konteks | situasi atau keadaan yang berlainan |
| respons | reaksi, tindak balas dengan memberikan alasan, justifikasi, penjelasan dan keterangan |
| syair | puisi berlagu yang mempunyai satu penceritaan yang lengkap |
| teks prosa | hasil penulisan yang berbentuk karangan, tidak termasuk puisi |
| ujaran | sesuatu yang diucapkan atau disebutkan |
| penulisan berformat | penulisan yang mempunyai bentuk-bentuk tertentu seperti e-mel, laporan, syarahan, surat rasmi |
| ulisan tidak berformat | penulisan yang tidak terikat dengan bentuk tertentu |
| pertimbangan | fikiran atau renungan mengenai baik buruk sesuatu perkara sebagai asas untuk |

| Perkataan | Maksud |
|-----------------|---|
| | membuat keputusan |
| ulasan | huraian, kupasan, tafsiran tentang sesuatu |
| keputusan | pertimbangan atau ketentuan tentang sesuatu perkara |
| membuat rumusan | membuat ringkasan daripada hasil bacaan |
| menghuraikan | menjelaskan secara terperinci |
| bercerita | bercerita berdasarkan pengalaman dan imaginasi sendiri |
| menceritakan | menceritakan sesuatu perkara yang ditonton, dibaca, dilihat dan didengar semula |

PANEL PENGGUBAL

| | | |
|-----|---|---|
| 1. | Dr. Mazlan bin Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Chin Fong Phin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Profesor Dr. Zulkifley bin Hamid | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 4. | Dr. Chew Fong Peng | Universiti Malaya, Kuala Lumpur |
| 5. | Profesor Madya Dr Abdul Rauf Hassan | Universiti Putra Malaysia, Bangi, Selangor |
| 6. | Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Jamian | Universiti Putra Malaysia, Bangi, Selangor |
| 7. | Profesor Madya Dr. Vijayaletumy a/p Subramanian | Universiti Putra Malaysia, Bangi, Selangor |
| 8. | Profesor Dr. Mahzan bin Arshad | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak |
| 9. | Ong Li Choo | Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur |
| 10. | Amran bin Bakar | Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 11. | Datin Mastura binti Mohamed Berawi | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 12. | Dr. Zarina binti Ahmad | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor |
| 13. | Dr. Faiziah binti Haji Shamsudin | IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan |
| 14. | Dr. Rabahyah binti Tahir | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan |
| 15. | Hayati binti Mat Yusof | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur |
| 16. | Nor Alizah binti Alias | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur |
| 17. | Badruddin bin Yatiban | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor |
| 18. | Sardi bin Ahmad | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan |
| 19. | Mat Ariffin bin Ismail | SJKC Batang Kali, Selangor |
| 20. | Mohd Jamil bin Ismail | SJKC Rasa, Selangor |
| 21. | Siti Sarah binti Abdul Malik | SK Serendah, Selangor |

TURUT MENYUMBANG

- | | | |
|-----|--|---|
| 22. | Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 23. | Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah | Universiti Putra Malaysia, Selangor |
| 24. | Hajah Suria binti Haji Yamat | Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur |
| 25. | Dr. Ghazali bin Ismail | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 26. | Dr. Seman bin Salleh | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 27. | Harry Tan Huat Hock | NUTP |
| 28. | Pek Choon Moy | NUTP |
| 29. | Sagundala a/p Arokiam | NUTP |
| 30. | Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman | NUMERA |
| 31. | Norzaiton binti Hanafi | Sekolah Cempaka |
| 32. | Hau Chai Lan | SJKC Chung Hwa, Jalan Kelocho, Kelantan |
| 33. | Subramanian a/l Kittan Krishnan | SJKT Dengkil, Selangor |
| 34. | Abdul Wahab bin Khalid | SK Datok Keramat, Kuala Lumpur |
| 35. | Muhammad Fuad bin Tajuddin | SK Desa Tasik, Kuala Lumpur |
| 36. | Saluwa binti Harun | SK Kampung Baru Ampang, Selangor |
| 37. | Zul Hazmi bin Hamad | SJKT Repah, Tampin, Negeri Sembilan |
| 38. | Mahat bin Mohamed Amin | SJKC Sungai Chua, Kajang, Selangor |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | | |
|---------------------------|---|--|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - | Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - | Timbalan Pengarah (Dasar dan Sains & Teknologi) |

Penasihat Editorial

- | | | |
|----------------------------------|---|--------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - | Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - | Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - | Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - | Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah Binti Syed Khalid

Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-432-7



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>